



ORANG ramai boleh memilih hendak ke Tanah Suci melalui muassasah atau PJH jika dapat menunaikan haji. – GAMBAR HIASAN

TH tidak agih kuota haji kepada pihak PJH

KOSMO 26/1/2024 M/S: 6

PETALING JAYA – Lembaga Tabung Haji (TH) menegaskan pihaknya tidak mengagihkan kuota tertentu kepada pihak swasta atau pengendali jemaah haji (PJH) seperti yang didakwa.

TH memberitahu, kuota haji berjumlah 31,600 yang diberikan Arab Saudi adalah mengikut sistem pendaftaran haji terbuka berdasarkan konsep mendaftar dahulu, didahulukan yang dilaksanakan sejak tahun 1995.

“Apabila bakal jemaah haji sudah terpilih dalam kuota tahunan, mereka boleh memilih sama ada ingin menunaikan haji melalui muassasah atau syarikat PJH yang dilesenkan oleh TH.

“Bakal jemaah haji yang memilih ke Tanah Suci melalui PJH adalah mereka yang berkemampuan untuk membayar

lebih daripada kos haji bagi mendapatkan perkhidmatan yang selesa berbanding muassasah,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurut TH, dakwaan mengatakan pihaknya hanya mengendalikan 11,000 orang pada tahun ini adalah tidak benar kerana majoriti bakal jemaah haji atau sekitar 70 hingga 80 peratus adalah melalui muassasah.

Sehubungan itu, TH menasihati orang ramai agar tidak mudah percaya dengan berita palsu di media sosial.

“Henti sebar berita palsu yang boleh mencetuskan keresahan masyarakat. Bakal haji dinasihatkan untuk rujuk kepada platform media sosial rasmi TH bagi mendapatkan maklumat sah, tepat dan terkini,” katanya.